

BIT OF BYTE

MAGAZINE

CASHLESS

DARI KACA MATA PERSPEKTIF ISLAM

MATAWANG FIZIKAL

MASIH RELEVANKAH?

USMBiz

TEMPAHAN FASILITI TANPA TUNAI

E-WALLET

KESELAMATAN PENGGUNAAN

SCAMMER

BAGAIMANA UNTUK TANGANI



KANDUNGAN



- 01 DARI MEJA TIMBLAN PENGARAH
PPKT KEJURUTERAAN
- 02 DARI MEJA KETUA EDITOR
- 03 CASHLESS DARI KACAMATA
PERSPEKTIF ISLAM
- 04 MASIH RELEVANKAH MATAWANG FIZIKAL
- 05 WANG FIZIKAL VS WANG DIGITAL
- 06 MASYARAKAT TANPA TUNAI
- 07 USM TANPA TUNAI
- 08 USMBIZ TEMPAHAN FASILITI TANPA TUNAI
- 09 BAIK DAN BURUK DUNIA TANPA TUNAI
- 10 POTENSI DAN CABARAN MASYARAKAT
TANPA TUNAI
- 11 KESELAMATAN PENGGUNAAN E-WALLET
- 12 MENGAPA ANDA PERLU AMALKAN
TRANSAKSI TANPA TUNAI
- 13 TANGANI PANGGILAN SCAMMER
- 14 ADAKAH APIINI BOLEH MEMBAKAR
- 15 AGI ADALAH CIPTAAN TERAKHIR MANUSIA
- 16 SMART CLASSROOM FUTURE EDUCATION
- 17 PERSIDANGAN ICT4U 2.0
- 18 STORAN 365 DI USM
- 19 PEMASANGAN MS OFFICE 2019
- 20 MELUKIS RAJAH SECARA PERCUMA DAN
MUDAH - DRAW.IO

SIDANG PENGARANG



Ketua Editor

Pn. Umul Hapsah Bt. Mohamad

Ahli

Pn. Mashithah Bt. Md Hasim
En. Khairi B. Osman
En. Suhaimi B. Saibon
Pn. Nurzalina Bt. Nordin
Tn. Hj. Amir Husaini B. Abd Hamid
Pn. Shariza Bt. Sharuddin
Pn. Shariza Bt. Shaari

Penaung

En. Mazlifendirizan B. Md Rejab

Senireka & Grafik

En. Hishammudin B. Endan

Fotografi

En. Sheikh Md Roshahidi B. Sheikh Daud

PENULIS JEMPUTAN

Mohd Kusairay Musa
Wan Ahmad Sarbini Wan Mohd Ali
Jamaliah Shafie
Halimaton Ekmar Abdul Hadi
Shariza Shaari
PPKT Kejuruteraan

Abdul Razak Syed
Nurainulhayat Mohamad Sukri
Jumizah Samsudin
Mohammad Shukri Osman
Pusat Islam USM

Mahadi Yusof
Ts Zaiyana Mohamed Hussain
Muhammad Rizal Mohamad Amin
PPKT Kampus Induk

Hairani Mohamed Hairiri
Jabatan Bendahari USM

Mohd Nadzri Mamat
PPK Elektrik & Elektronik

Amni Ezzatul
Pelajar Latihan Industri

Dari Meja Timbalan Pengarah

MAZLIFENDIRIZAN MD REJAB

Scammer Dimana-mana

Dalam era digital yang semakin berkembang, scammer atau penipu semakin kreatif dalam menjalankan taktik mereka. Di Malaysia, kes penipuan melibatkan scammer semakin meningkat setiap tahun, menyebabkan ramai individu kehilangan wang simpanan, aset, dan bahkan maklumat peribadi. Oleh itu, adalah penting untuk kita memahami bagaimana scammer beroperasi dan cara-cara untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa.

Salah satu bentuk penipuan yang paling popular di Malaysia ialah Scammer Macau. Modus operandi scammer ini ialah dengan menyamar sebagai pegawai kerajaan, pegawai bank, atau wakil agensi penguatkuasaan undang-undang. Mereka akan memberitahu mangsa bahawa mereka terlibat dalam aktiviti jenayah seperti penggubahan wang haram atau cukai tertunggak dan mengancam untuk menahan atau mendenda mangsa. Scammer ini akan meminta mangsa untuk memindahkan wang ke akaun tertentu kononnya untuk "menyelesaikan" masalah tersebut.

Pada tahun 2022, seorang wanita dari Selangor kehilangan RM650,000 selepas diperdaya oleh seorang penipu yang menyamar sebagai pegawai polis. Mangsa diminta untuk memindahkan wang simpanannya ke akaun pihak ketiga sebagai sebahagian daripada siasatan jenayah yang melibatkan dirinya.

Scammer Pinjaman

Sering memanfaatkan individu yang terdesak untuk mendapatkan pinjaman kewangan. Mereka akan menawarkan pinjaman tanpa memerlukan banyak dokumen dan menarik minat mangsa dengan syarat yang kelihatan mudah dan pantas.

Sebelum pinjaman diluluskan, mangsa diminta membayar sejumlah wang sebagai "yuran pemprosesan" atau "deposit". Malangnya, selepas wang tersebut dibayar, scammer akan menghilangkan diri tanpa memberikan sebarang pinjaman.



Scammer Pelaburan

Sering menyasarkan individu yang ingin menggandakan wang mereka dengan cepat. Scammer akan menawarkan skim pelaburan dengan pulangan yang sangat tinggi dalam masa yang singkat dan ramai mangsa akan tertarik dengan janji keuntungan besar tersebut. Selepas mangsa melabur sejumlah wang, scammer akan hilang begitu sahaja.

Pada tahun 2023, sebuah sindiket pelaburan palsu yang menawarkan pulangan sehingga 30% sebulan berjaya menipu lebih 100 mangsa dengan kerugian keseluruhan melebihi RM20 juta. Skim ini menyasarkan golongan yang ingin melabur dalam pasaran mata wang kripto dan saham.

Scammer E-Commerce

Kerap berlaku dalam transaksi atas talian. Scammer akan menyamar sebagai penjual yang menawarkan produk atau barang pada harga yang sangat rendah untuk menarik pembeli. Selepas menerima bayaran, produk tersebut tidak dihantar atau mangsa menerima barang yang tidak sama dengan apa yang dijanjikan.

Seorang pembeli dalam talian kehilangan RM5,000 selepas membeli telefon pintar yang tidak pernah dihantar oleh penjual palsu. Penjual tersebut terus memadamkan akaunnya selepas menerima bayaran penuh daripada mangsa.

The infographic is titled "SCAM E-DAGANG" and features the slogan "Fikir dulu baru checkout!". It includes several tips and icons:

- MALAYSIA MADANI** logo
- A cartoon illustration of a thief in a mask and striped shirt stealing from a laptop screen displaying a "CLICK HERE" button.
- 30%** discount star icon.
- CIRI-CIRI PELABURAN TIDAK SAH / "SCAM"** (Characteristics of Unethical Investment / "Scam")
 - Skim menjanjikan pulangan pelaburan yang tinggi dalam masa singkat** (Contoh: Labur RM300, dapat pulangan dalam masa 12 jam)
 - Dipromosikan melalui platform media sosial** (Berwaspadalah dengan peluang pelaburan yang ditawarkan melalui platform seperti Facebook, Telegram, WhatsApp dan Instagram)
 - Minta wang didepositkan ke dalam akaun milik individu atau akaun bank entiti yang tidak berkaitan** (Semak dahulu butiran perbankan sebelum melabur)
 - Menggunakan sijil / dokumen palsu daripada pihak berkuasa** (Semak sijil / dokumen yang diberikan kepada anda. Teliti kesahihan sijil / dokumen tersebut dengan menghubungi pihak berkuasa berkenaan)
 - Dipromosikan sebagai peluang pelaburan "masa terhad sahaja"** (Jangan tertekan untuk membuat keputusan pelaburan)
- Beli dan bayar hanya dari platform rasmi dan seller yang sah!**
- Selidik seller** untuk memastikan kesahihannya
- Jangan klik pautan yang mencurigakan** atau memuat turun app. APK untuk pembelian
- Jika ragu-ragu, hubungi BNMLINK melalui:**
 - ② 1-300-88-5465
 - ③ bnm.gov.my/LINK
 - ④ bnm.gov.my/livechat
 - ⑤ bnm.official | AmaransScam
- Sumber:** Bank Negara Malaysia
- Jabatan Penerangan Malaysia**
- Sumber :** Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Bagaimana anda dapat mengelakkan diri daripada terjebak dengan Scammer?



Sahkan identiti pemanggil

Jika anda menerima panggilan yang mendakwa dari agensi kerajaan atau bank, jangan terus panik. Putuskan panggilan dan hubungi semula pihak tersebut melalui nombor rasmi untuk mengesahkan kebenaran panggilan.

Elakkan berkongsi maklumat peribadi dan kewangan

Jangan berkongsi nombor akaun bank, nombor kad pengenalan, nombor telefon atau maklumat peribadi dengan individu yang tidak dikenali atau melalui panggilan telefon.

Laporkan kepada pihak berkuasa

Sekiranya anda menjadi mangsa scammer, segera laporkan kepada pihak polis atau Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melalui talian hotline 997 (Pusat Respons Scam Kebangsaan-NSRC). Jangan biarkan scammer mengambil kesempatan atas kepercayaan dan kenaifan kita.

Jangan mudah terpedaya dengan tawaran yang terlalu bagus

Jika sesuatu tawaran kelihatan terlalu bagus untuk dipercayai, ia mungkin satu penipuan. Siasat latar belakang syarikat atau individu tersebut sebelum membuat sebarang transaksi.

Berhati-hati dengan transaksi atas talian

Jika membeli-belah secara dalam talian, pastikan anda menggunakan platform yang dipercayai dan periksa penilaian serta ulasan daripada pembeli lain sebelum membuat pembelian.

**PUSAT RESPONSC
SCAM KEBANGSAAN
(NSRC)**

Hubungi talian : **997**

Waktu Operasi : 8.00 pagi - 8.00 malam Setiap hari

Anda mangsa penipuan siber?
Hubungi bank anda atau NSRC dengan segera bagi menyekat pengeluaran wang anda.

Pastikan anda memberikan maklumat berikut ketika menghubungi NSRC :

- Insiden penipuan.
- Maklumat komunikasi dengan suspek.
- Maklumat transaksi yang berlaku.

SEMAKMULE <https://semakmule.rmp.gov.my> CCID INFOLINE : 013-211 1222 NSRC : 997 @JSKPDPM @CYBERCRIMEALERTRMP @JSKPDPM @CYBERCRIMEALERTRMP be SMART stay SECURE

Dari meja Editor

Bit of Byte 2024

Assalamualaikum dan salam

sejahtera kepada semua pembaca
dan penyumbang artikel Bit of Bytes
(BOB) 2024.

Alhamdulliah bersyukur kehadrat Allah swt
dengan izin dan limpah kurniaNya Buletin
BOB dapat dikeluarkan bagi tahun 2024.

Buletin BOB ini merupakan cerminan aspirasi kecemerlangan staf PPPT dalam memberikan
perkhidmatan yang terbaik dari pelbagai sudut terutamanya ICT kepada masyarakat.

Sebagai Ketua Editor, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan dan
dedikasi anda semua terhadap penerbitan ini. Bit of Bytes bukan sahaja bertujuan menyampaikan
maklumat terkini mengenai teknologi dan inovasi, tetapi juga menjadi platform untuk kita berkongsi
ilmu dan memperkasakan pengetahuan dalam era digital yang sentiasa berubah.

Sekalung penghargaan, penghormatan dan tahniah diberi kepada penasihat BOB Encik
Mazlifendirian bin Md Rejab atas kepercayaan yang diberikan kepada kami dalam penerbitan Buletin
BOB 2024. Ucapan syabas dan tahniah kepada semua AJK yang terlibat dengan komitmen,
kerjasama padu yang diberikan serta kejayaan yang dicapai hasil titik peluh serta lontaran idea yang
bernas daripada semua staf PPPT dan warga USM yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.
Saya amat berbangga dengan komitmen para penulis yang telah menyumbangkan artikel-artikel
berkualiti, idea-idea segar dan perspektif baharu yang menjadikan Bit of Bytes sebagai sebuah
sumber rujukan yang bernilai. Tanpa usaha gigih dan sokongan anda, kita tidak akan dapat mencapai
tahap kecemerlangan ini.

Harapan kita adalah artikel yang dipaparkan pada Buletin BOB kali ini dapat menjadi satu bahan ilmiah
dan santapan rohani para pembaca.


Semoga Bit of Bytes terus menjadi pemangkin kepada perkembangan ilmu teknologi dan memberi
manfaat kepada semua pembaca. Marilah kita teruskan usaha ini bersama-sama, memastikan
penerbitan ini berkembang dan kekal relevan dalam memenuhi keperluan pembaca kita.

Terima kasih atas kepercayaan yang diberikan. Semoga tahun 2025 menjadi tahun yang lebih
gemilang buat kita semua! Teruskan menulis dengan semangat dan dedikasi yang tinggi. Selamat
maju jaya.

Sekian, terima kasih.

Umul Hapsah Binti Mohamad





ABDUL RAZAK BIN SYED, NURAINULHAYAT MOHAMAD SUKRI,
JUMIZAH SAMSUDIN DAN MOHAMMAD SHUKRI BIN OSMAN

CASHLESS DARI KACA MATA PERSPEKTIF ISLAM

**“Dihalalkan kepada kamu transaksi jual beli (muamalah)
dan diharamkan ke atas kamu riba.”**

MUKADIMAH

Islam adalah agama yang memudahkan umat manusia. Kemudahan dalam agama ini dapat dilihat dalam semua aspek kehidupan dan penghayatan agama. Termasuklah dalam aspek muamalah Islam. Dalam memastikan kebahagiaan dan kejayaan muamalah Islam, agama kita telah mengariskan dua hubungan iaitu:

- (i) hubungan dengan Allah
- (ii) hubungan sesama manusia.

Justeru apabila kita memperkatakan tentang muamalah Islam, beberapa ciri dan syarat telah digariskan agar muamalat Islam mendapat keredhaan Allah dan memudahkan transaksi manusia sehari-hari.



TRANSAKSI TANPA TUNAI

Mutakhir kini, transaksi atas talian atau transaksi tanpa tunai menjadi satu bentuk muamalah yang semakin diminati kerana ia mudah, cepat dan tiada sentuhan yang boleh menyebabkan jangkitan mudarat kepada manusia. Namun, pernahkah kita terfikir apakah pandangan Islam dalam muamalat tentang transaksi tanpa tunai ini?

Secara asasnya pandangan agama kita tentang transaksi tanpa tunai ini adalah harus. Asas pandangan ini diambil berdasarkan rujukan kaedah (sesuatu hukum dalam muamalah adalah dikira harus sehinggalah wujudnya perkara yang menjadikan muamalah itu haram dan dilarang dalam agama). Disamping itu, pandangan transaksi ini adalah harus juga diambil berdasarkan Sabda Nabi yang bermaksud: "Sesungguhnya jual beli itu atas keredhaan kedua-dua pihak." yang bermaksud sesungguhnya transaksi jual beli itu adalah saling meredhai semasa kamu.



Syarat Muamalah Islam

Justeru, apabila kita memperbahaskan tentang hukum cashless kita juga tidak dapat lari tentang sejauh manakah tahap-tahap keselamatan data, penipuan atas talian, kemudahan internet atau sistem sokongan yang mendokong transaksi ini, serta bagaimanakah tahap penguasaan transaksi ini kepada komuniti warga emas, OKU yang cenderung dan terdedah kepada penipuan yang akhirnya menyebabkan kerugian jutaan ringgit serta berleluasanya penjenayah kolar putih yang semakin menjadi-jadi. Selain kerugian, mangsa yang tertipu dengan kemudahan ini juga menerima impak seperti tekanan hidup dan kesan kepada hubungan rumah tangga dan keluarga.

Keharusan transaksi ini juga dapat difahami melalui umumnya, firman Allah yang bermaksud "Dihalalkan kepada kamu transaksi jual beli (muamalah) dan diharamkan ke atas kamu riba." Apabila dilihat kepada umumnya kaedah ini maka dapatlah kita fahami hukum asas kepada transaksi tanpa tunai adalah harus dalam pandangan agama.

Dalam memahami umumnya keharusan muamalah Islam, kita juga sewajarnya memperhalusi, pra syarat ketat agar maqasid muamalah ini berjaya memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak dengan syarat seperti berikut:

1. hendaklah muamalah islam itu didasari atas keredhaan kedua-dua pihak dan bukannya atas riba
2. janganlah ada kezaliman yang akan menganiayai kedua-dua pihak atau salah satu
3. hendaklah sesuatu transaksi itu tidak melibatkan muamalah secara haram
4. janganlah transaksi itu dilakukan secara batil
5. hendaklah muamalah itu jauh dari gharar (penipuan)



Kesimpulan

Kesimpulannya, pihak bertanggungjawab mestilah mengutamakan ciri-ciri keselamatan transaksi atas talian kerana Islam adalah agama yang mudah dan memudahkan umat manusia namun janganlah atas kemudahan tersebut ada pihak yang menjadi mangsa ketamakan pihak yang suka mengambil kesempatan terhadap agama.



MASIH RELEVANKAH MATAWANG FIZIKAL?



Akbar Berita Harian bertarikh 11 Januari 2024 memetik laporan yang dikeluarkan oleh firma penyelidikan Ipsos Malaysia bertajuk Ekonomi Bukan Tunai & Evolusi Pembayaran menyatakan 51% rakyat Malaysia menggunakan bayaran tanpa tunai dalam tempoh tiga bulan sebelumnya.

Laporan ini juga menyatakan penggunaan e-dompet dijangka berterusan dan lebih ramai akan menerima penggunaan e-dompet ini sebagai saluran pembayaran utama dalam urusan harian mereka. Berikut perkembangan ini akan timbul persoalan masih relevankah matawang fizikal?

Terdapat enam sebab mengapa matawang fizikal masih relevan

1. Berguna ketika sistem telekomunikasi terjejas.

Jepun adalah contoh negara maju berteknologi tinggi tetapi sentiasa mengalami bencana alam seperti gempa bumi, tsunami atau ribut taufan. Kejadian Gempa Bumi Hokkaido 2018 mengakibatkan jutaan penduduk mengalami gangguan elektrik. Gangguan elektrik secara langsung boleh menjelaskan sistem telekomunikasi. Di dalam situasi tersebut sistem pembayaran tunai akan lumpuh menyebabkan matawang fizikal akan kembali relevan.

4. Menjaga privasi pengguna.

Setiap kali kita menggunakan media sosial, menonton YouTube atau melawat mana-mana laman web kita akan meninggalkan jejak digital (digital footprint). Bagi pengguna yang amat mementingkan privasi dalam soal transaksi kewangan matawang fizikal masih relevan.

5. Mengurangkan risiko penipuan online dan keselamatan siber.

Penggunaan tunai boleh mengurangkan risiko penggodaman, kecurian identiti, phishing atau pun scam bagi pengguna yang tidak mahir dalam IT. Memindahkan wang tunai sepuluh ringgit secara fizikal adalah lebih rumit daripada memindahkan wang sejumlah itu secara dalam talian. Kerumitan itu membolehkan bakal mangsa penipuan berfikir banyak kali sebelum melakukan transaksi dan boleh mengurangkan kebarangkalian ditipu.

2. Memberi persepsi nilai ketara.



Wang fizikal boleh disentuh, dipegang dan dilihat berbeza dengan wang digital yang hanya dipaparkan di skrin. Berbelanja menggunakan wang fizikal membolehkan seseorang itu lebih berdisiplin.

3. Membolehkan kebolehcapaian dan inklusif

Jurang digital antara penduduk bandar dan luar bandar masih wujud di negara ini. Tinjauan Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia 2020 melaporkan 75.6% pengguna internet berada di bandar manakala penduduk di luar bandar pula adalah 24.4%. Walaupun Tinjauan Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia 2022 menunjukkan terdapat peningkatan penggunaan internet sebanyak 4% namun tidak menyatakan pecahan pembahagian bandar dan luar bandar, tetapi kebolehpercayaan masih rendah.

6. Faktor budaya dan psikologi.

Man is a creature of habits bermaksud manusia akan bertindak mengikut kebiasaannya. Manusia telah menggunakan mata wang fizikal sebagai medium pertukaran sejak ribuan tahun selepas sistem barter. Contoh mata wang fizikal yang pernah digunakan sepanjang tamadun manusia ialah gandum, kerang, manik sehinggalah kepada logam-logam beharga seperti emas. Pastinya sukar bagi sebahagian orang untuk menggunakan matawang digital yang bersifat abstrak.

Kesimpulan.

Tidak dinafikan matawang digital amat memudahkan hidup kita dan di dalam sesetengah situasi ia lebih selamat dari menggunakan matawang fizikal. Namun matawang fizikal tetap masih relevan.

MASYARAKAT TANPA *Tunai*

Kepesatan teknologi kewangan sejak akhir ini telah menghasilkan pelbagai jenis ciptaan yang memudahkan urusan kehidupan manusia. Antaranya termasuklah perkhidmatan bank secara atas talian, pembayaran dengan menggunakan imbasan kod QR dan sebagainya.



“pandemik COVID-19 faktor utama yang mendorong penggunaan perkhidmatan kewangan secara atas talian dengan lebih meluas”

Sebelum ini, transaksi kewangan seperti pembayaran dan pindahan wang perlu dilakukan secara fizikal sepenuhnya. Wang tunai perlu dibawa ke mana sahaja bagi memenuhi pelbagai urusan dalam kehidupan seharian.

Namun kini, seseorang boleh sahaja keluar daripada rumah tanpa membawa wang tunai secara fizikal. Dengan hanya berbekalkan telefon pintar yang memiliki sambungan internet yang baik sudah mencukupi.

Perkembangan teknologi yang berlaku dengan sangat pantas ini telah membina sebuah masyarakat yang tidak lagi bergantung kepada penggunaan wang secara fizikal sepenuhnya. Malah, golongan futuris meramalkan akan wujudnya sebuah masyarakat tanpa tunai (cashless society) di masa hadapan.

Momentum tersebut juga telah mewujudkan kepelbagaian syarikat dan platform kewangan atas talian seperti PayPal, Google Pay dan Apple Pay. Perkara yang sama turut berlaku di Malaysia dengan kemunculan pelbagai platform pembayaran atas talian dan mudah alih seperti Touch 'n Go eWallet yang telah dilancarkan pada tahun 2017.

Pada era pandemik COVID-19 yang telah melanda seluruh dunia pada tahun 2020 merupakan antara faktor utama yang mendorong penggunaan perkhidmatan kewangan secara atas talian dengan lebih meluas. Langkah kawalan pergerakan yang dilaksanakan pada ketika itu telah mengehadkan sebahagian besar urusan-urusan yang lazimnya dilakukan secara fizikal, sekali gus menurunkan penggunaan wang tunai.



Transaksi Elektronik yang Dilakukan Seorang Rakyat Malaysia Meningkat Dari Tahun ke Tahun, Terutamanya Selepas Pandemik COVID-19




Data daripada Bank Negara Malaysia (BNM) menunjukkan jumlah transaksi pembayaran elektronik per kapita di Malaysia meningkat dari tahun ke tahun. Trend peningkatan yang ketara dilihat berlaku semasa fasa pasca pandemik, naik 31% tahun ke tahun kepada 291 transaksi pada tahun 2022. Ini bermaksud, secara puratanya, seorang rakyat Malaysia melakukan sebanyak 291 transaksi elektronik sepanjang tahun 2022.

Tidak dinafikan, perkhidmatan kewangan secara atas talian dan mudah alih memberikan pelbagai manfaat dan penjimatan dari segi kos, ruang dan masa. Namun, terdapat beberapa risiko yang wajar diteliti di sebalik fenomena peralihan ke arah masyarakat tanpa tunai ini.

Jurang Digital Yang Wujud Dalam Masyarakat.

Akibat daripada jurang digital ini, tidak semua orang mempunyai akses yang sama rata kepada perkhidmatan kewangan atas talian. Terutamanya golongan miskin, warga emas serta mereka yang menetap di luar bandar dan pedalaman tanpa sambungan internet yang baik. Jurang digital boleh wujud sama ada disebabkan oleh kekurangan material ataupun daya kognitif. Misalnya, golongan miskin mungkin sukar untuk memperoleh akses kepada perkhidmatan kewangan atas talian disebabkan mereka tidak mampu untuk membeli peranti seperti telefon pintar serta pakej internet yang berkualiti.

Meskipun Tahap Capaian Internet Semakin Baik, Masih Wujud Sebilangan Kecil Isi Rumah di Malaysia yang Tidak Mempunyai Akses Internet



Menurut Laporan Capaian ICT Isi Rumah 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), capaian internet adalah setinggi 96.0% dalam kalangan isi rumah di Malaysia. Meskipun tinggi, namun tidak harus dilupakan masih wujud 4% isi rumah yang tidak mempunyai capaian internet.



Risiko keselamatan dan privasi data

Di Malaysia, hampir setiap hari dilaporkan berlakunya kes-kes penipuan scam secara atas talian yang kadangkalanya membabitkan kerugian sehingga ratusan ribu ringgit. Bahkan, ada sesetengah mangsa scam hilang simpanan peribadi yang telah dikumpul bertahun-tahun dalam sekilip mata sahaja.

Kerugian akibat aktiviti scam atas talian di Malaysia mencecah RM2.6 bilion antara tempoh 2019 sehingga Mei 2022, memetik kenyataan bekas Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Seri Ahmad Maslan di Parlimen.

Antara punca perkara ini mudah berlaku, selain kecuaian pengguna ia juga disebabkan oleh insiden kebocoran data. Menurut Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP), secara puratanya, sebanyak 15 kes kebocoran data dilaporkan pada setiap minggu bagi tempoh separuh pertama tahun 2023. Meskipun urusan pembayaran dan pembelian kini lebih mudah secara atas talian, pengguna berdepan dengan risiko-risiko seperti serangan siber dan kebocoran data. Penipu (scammer) juga semakin licik mengeksplotasi segala peluang serta kelemahan yang wujud pada perkhidmatan kewangan atas talian.

Sebagai contoh, pembelian yang dilakukan secara atas talian lazimnya memerlukan maklumat-maklumat pembeli seperti nama, alamat tempat tinggal, nombor telefon, alamat e-mel dan sebagainya. Pembeli juga akan diminta untuk mengisi maklumat-maklumat perbankan seperti nama pengguna, kata laluan serta maklumat kad kredit/debit bagi melengkapkan pembayaran. Apabila serangan siber berlaku, maklumat-maklumat sebeginilah yang berisiko bocor. Laporan yang sama turut mendedahkan tiga maklumat utama yang sering bocor data di Malaysia ialah kata laluan, nombor telefon dan nama mangsa.

Tahap keselamatan serta penguatkuasaan undang-undang yang lemah merupakan antara faktor utama kebocoran data mudah berlaku. Hanya 25 buah syarikat yang telah dikenakan denda sejak tahun 2017 akibat kes kebocoran data. Di samping itu, penggunaan perkhidmatan kewangan atas talian juga meninggalkan jejak digital yang mungkin tidak selesa buat sesetengah individu yang menghargai privasi mereka. Jejak digital yang ditinggalkan ini berisiko dimanipulasi oleh peniaga untuk mempengaruhi corak pembelian atas talian dan meningkatkan jualan mereka. Namun, di satu sudut yang lain, jejak digital memudahkan agensi penguatkuasaan untuk memantau transaksi kewangan yang berlaku dalam negara, khususnya bagi membendung aktiviti jenayah seperti pengubahan wang haram.

Risiko Tabiat Kewangan Yang Tidak Berhemah.



Perkembangan dalam perkhidmatan kewangan atas talian telah memberikan kesan yang positif kepada industri e-dagang. Menurut DOSM, transaksi e-dagang di Malaysia mencecah RM1.09 trilion pada tahun 2021. Namun begitu, pembelian secara atas talian yang begitu mudah dengan hanya beberapa klik sahaja berisiko menyebabkan seseorang individu itu terjebak dengan sikap pembelian yang tidak berhemah.

Hal ini kerana jika dibandingkan dengan pembelian menggunakan wang tunai, pembeli setidak-tidaknya nampak secara nyata berapakah duit yang perlu dibelanjakan bagi membeli sesuatu barang. Maka, secara teorinya adalah lebih mudah untuk mereka mengawal perbelanjaan. Tetapi sebaliknya, pembeli hanya nampak duit mereka secara maya semasa membuat pembelian atas talian, lalu menyebabkan mereka lebih mudah untuk membeli sesuatu barang tanpa berfikir panjang. Situasi ini mewujudkan fenomena bias kognitif yang dipanggil sebagai cashless effect.

Perkara ini bertambah buruk dengan kewujudan pelbagai alternatif pembayaran yang ditawarkan kepada pembeli, termasuklah dengan kaedah ber hutang seperti kad kredit serta beli sekarang & bayar kemudian (BNPL).

Kesimpulannya, masyarakat tanpa tunai atau cashless memiliki kelebihan dan kekurangan yang perlu dipertimbangkan secara bijak. Cashless bukanlah satu matlamat akhir, sebaliknya satu cara untuk mencapai matlamat yang lebih besar, menerusi kemajuan sesebuah negara tersebut. Hanya dengan pendekatan yang cermat dan inklusif, kita dapat memastikan bahawa manfaat dari sistem tanpa wang tunai dapat dinikmati oleh semua pihak.

MOD PEMBAYARAN

- 1 Perbankan Internet <https://epayment.usm.my>
- 2 Kad Debit dan Kredit
- 3 Touch 'n Go
- 4 QR Pay

www.bursary.usm.my

**MULAI 1 JUN 2020, USM
AKAN MELAKSANAKAN
TRANSAKSI TANPA TUNAI
SECARA SEPENUHNYA**



TRANSAKSI
TANPATUNAI
JABATAN BENDAHARI

*Kounter Perkhidmatan Kesihatan di HU5M dan IPPT Memberi Keutamaan Transaksi Tanpa Tunai

#USMTANPATUNAI



CASHLESS IN USM

#USMTANPATUNAI

Pandemik penggerak cashless

Pandemik Covid-19 telah merancakkan kaedah cashless dalam kehidupan masyarakat kini. Apabila Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan sebagai usaha membendung pandemik tersebut, kaedah ini telah menjadi kaedah utama masyarakat dalam membuat transaksi kewangan.

Cashless merujuk kepada penggunaan alat pembayaran elektronik seperti pengkreditan terus ke akaun bank, kad debit, kad kredit, e-dompet (*e-wallet*) atau kod QR dalam membuat transaksi kewangan. *Cashless* boleh dilihat daripada 2 perspektif iaitu medium pembayaran dan medium penerimaan.



USM tanpa tunai

Dalam konteks USM, usaha membudayakan cashless dalam aktiviti kewangannya telah bermula sejak tahun 2004 apabila USM melalui kolaborasi dengan Bank Islam Malaysia Berhad melaksanakan kaedah pengkreditan terus ke akaun penerima sebagai kaedah pembayaran kepada staf, pelajar, pembekal dan lain-lain. Kaedah ini menggantikan kaedah konvensional menggunakan cek dalam membuat pembayaran.



Faedah utama yang dapat diperolehi daripada pelaksanaan pengkreditan terus ke akaun penerima adalah

- i. Tiada masalah cek yang dipos tidak diterima oleh penerima bayaran yang disebabkan oleh ketidaktepatan alamat pos dan sebagainya.
- ii. Tiada masalah cek lупut kerana cek tidak ditunaikan di bank.



EPAYMENT@USM

Manakala untuk kaedah penerimaan, USM juga tidak kurang hebat usahanya. Jabatan Bendahari telah memulakan komitmen membangunkan portal terimaan atas talian iaitu ePayment@USM dengan menggunakan kepakaran anak muda daripada Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi USM. Pada bulan Jun 2009, kemudahan tersebut telah digunakan dengan memberi fokus pertama untuk pelajar-pelajar USM membayar yuran pengajian.

“ rekod kewangan pelajar dikemaskini secara automatik setelah transaksi berjaya dibuat oleh pelajar ”

Urusan kewangan diper mudahkan

Faedah utama yang ingin dicapai daripada kemudahan ini adalah rekod kewangan pelajar dikemaskini secara automatik setelah transaksi yang dibuat oleh pelajar berjaya. Kemudahan ini kemudiannya dilebarkan kepada semua aktiviti kutipan USM yang mana menyumbang kepada pengurusan terimaan yang lebih berkesan.

Semasa dunia berhadapan dengan COVID-19, kemudahan cashless yang telah dilaksanakan ini banyak membantu USM dalam operasi kewangannya terutama melibatkan bayaran bantuan kewangan kepada pelajar USM dan bayaran bil pembekal.

Cashless in USM adalah bukti dan komitmen tinggi Jabatan Bendahari menyediakan kemudahan yang sesuai dan berkesan dalam memberi perkhidmatan kepada semua pihak sama ada staf, pelajar, pembekal dan lain-lain. Ini selaras dengan **TERAS UTAMA #03 JABATAN BENDAHARI** iaitu pemupukan budaya kerja yang peka terhadap keperluan semasa dan inovatif dalam memberi perkhidmatan kewangan.

Usaha penambahbaikan dilakukan dari masa ke semasa agar perkhidmatan yang disediakan berkesan dan relevan dengan keperluan semasa. Perancangan sedang diatur untuk menjayakan usaha ini dengan kolaborasi antara kepakaran Jabatan Bendahari USM sebagai *Business Owner* dan Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi USM sebagai *System Developer*.





PUSAT PEMBANGUNAN
PERNIAGAAN UNIVERSITI



PLATFORM TEMPAHAN FASILITI SUKAN SECARA ATAS TALIAN DAN PENERIMAAN BAYARAN TANPA TUNAI

Pengenalan

Universiti Sains Malaysia (USM) terus melangkah ke hadapan dengan memperkenalkan platform tempahan fasiliti sukan secara atas talian melalui laman sesawang <https://usmbiz.usm.my>.

Inisiatif ini sejajar dengan usaha universiti untuk memudahkan warga kampus dan masyarakat umum dalam membuat tempahan kemudahan sukan secara lebih sistematik dan efisien.

Dengan adanya platform ini, pengguna kini boleh memilih jenis fasiliti sukan yang ingin ditempah seperti gelanggang futsal, badminton, tenis, takraw serta pingpong tanpa perlu hadir secara fizikal ke kaunter tempahan. Ciri-ciri yang mesra pengguna ini bukan sahaja menjimatkan masa, malah mengurangkan penggunaan kertas dan membantu menyokong agenda kelestarian kampus.

The screenshot shows a grid of six sports facilities listed on the USMbiz website:

- Kompleks Badminton**: Located at Main Campus, Penang. Sport: Badminton.
- Azman Hashim - Badminton**: Located at Main Campus, Penang. Sport: Badminton.
- Court Sepak Takraw Outdoor**: Located at Main Campus, Penang. Sport: Takraw.
- Kompleks Tenis**: Located at Main Campus, Penang. Sport: Tennis.
- Stadium - Ping Pong**: Located at Main Campus, Penang. Sport: Pingpong.
- Stadium Olahraga - Squash**: Located at Main Campus, Penang. Sport: Squash.



USMbiz

Email

Password

LOGIN

[Forgot password?](#)

OR

id Sign in with USM ID

g+ Sign in with Google

[Other email registration?](#)



Mudah Diakses dan Sentiasa Terhubung

Platform USMbiz boleh diakses dengan mudah menggunakan sebarang peranti yang disambungkan ke internet, seperti komputer, tablet atau telefon pintar.

Melalui antara muka yang mudah difahami, pengguna dapat melihat kekosongan slot tempahan dan membuat pengesahan dalam beberapa langkah sahaja.

Keupayaan sistem ini untuk beroperasi 24 jam sehari juga memastikan pengguna dapat membuat tempahan pada bila-bila masa mengikut kesesuaian jadual mereka.

Sistem Bayaran Tanpa Tunai yang Selamat dan Mudah

USM Payment Gateway

FPX

Buyer Bank

| | | | |
|---|--|---|----------------------------------|
| <input type="radio"/> AFFINBANK | <input type="radio"/> ALLIANCE BANK | <input type="radio"/> AGRO BANK | <input type="radio"/> AmBank |
| <input type="radio"/> CIMB BANK | <input type="radio"/> BANK ISLAM | <input type="radio"/> BANK RAKYAT <small>(Not available for Corporate)</small> | <input type="radio"/> Bank Islam |
| <input type="radio"/> 中国银行 BANK OF CHINA | <input type="radio"/> BSN | <input type="radio"/> HongLeong Bank | <input type="radio"/> HSBC |
| <input type="radio"/> Kuwait Finance House | <input type="radio"/> Maybank Maybank2u.com | <input type="radio"/> Maybank2E.net | <input type="radio"/> OCBC Bank |
| <input type="radio"/> PUBLIC BANK | <input type="radio"/> RHB | <input type="radio"/> Standard Chartered | <input type="radio"/> UOB 大华银行 |

By clicking on the Proceed button, you agree to FPX's Terms & Conditions

Proceed

Salah satu kelebihan utama yang ditawarkan oleh platform ini ialah penerimaan bayaran tempahan secara tanpa tunai. Pengguna boleh membuat pembayaran melalui pelbagai kaedah, termasuklah perbankan internet secara kad kredit atau FPX. Hal ini bukan sahaja meningkatkan tahap keselamatan transaksi, tetapi turut memudahkan pengguna membuat bayaran dari mana-mana sahaja.

Inisiatif tanpa tunai ini juga merupakan langkah yang selari dengan matlamat universiti untuk mempercepatkan pendigitalan urus niaga dan menyokong agenda "Kampus Tanpa Tunai" (Cashless Campus). Pelaksanaan ini mengurangkan penggunaan wang tunai dan seterusnya menambah baik kecekapan pengurusan kewangan di samping meningkatkan pengalaman pengguna secara keseluruhan.

USM Payment Gateway

USM UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Pembayaran untuk : BAYARAN PRODUK / SERVIS @ USMBIZ
Nombor transaksi : EP1118535
Nilai : MYR 7.00
Atas Nama : UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Online Banking
 Credit Card / Debit Card

FPX

Proceed

Penambahbaikan dan Peningkatan Berterusan

Kompleks Badminton

RM : 5.00 /slot

Select Date:
12/02/2024

Select Rush Hour:
Normal Hour (8.00 AM - 5.00 PM)

Court:
1

Select Slot:

09:00 AM - 10:00 AM
 10:00 AM - 11:00 AM
 11:00 AM - 12:00 PM
 12:00 PM - 01:00 PM
 02:00 PM - 03:00 PM (Not Available)
 03:00 PM - 04:00 PM (Not Available)
 04:00 PM - 05:00 PM

BOOK NOW

Pihak USM komited dalam memastikan platform ini terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Maklum balas daripada pengguna amat dihargai untuk menambah baik perkhidmatan ini agar dapat memenuhi keperluan yang semakin kompleks dan dinamik. Melalui pelaksanaan USMbiz, diharapkan kemudahan tempahan fasiliti sukan dapat diakses dengan lebih meluas dan mudah oleh pelbagai lapisan masyarakat, sekali gus menyokong gaya hidup aktif dan sihat dalam kalangan warga kampus dan komuniti sekitar.

Kesimpulan

Inisiatif USMbiz merupakan langkah proaktif USM dalam memanfaatkan teknologi untuk memperkemas proses tempahan fasiliti sukan serta mempromosikan transaksi tanpa tunai. Hasil sokongan dan kerjasama semua pihak, platform ini dijangka akan membawa banyak manfaat kepada semua pengguna serta mengangkat imej universiti sebagai sebuah institusi yang mengutamakan inovasi dan kecemerlangan.



BAIK DAN BURUK DUNIA TANPA TUNAI

Pada hari ini, kita melihat perubahan demi perubahan telah berlaku dalam sistem kewangan dunia seiring dengan kemajuan infrastruktur teknologi. Ekonomi digital dilihat semakin berkembang apabila kebanyakan pembayaran dan perkhidmatan melibatkan transaksi tanpa tunai. Apakah transaksi tanpa tunai (cashless transaction) sebenarnya? Kenapa dunia hari ini tidak memerlukan transaksi tunai lagi? Boleh ke kita hidup tanpa tunai? Apakah pula nasib orang yang tinggal di kawasan pedalaman jika tiada penggunaan tunai? Bagaimana pula jika berlaku masalah bekalan elektrik?



KEBAIKAN SISTEM TANPA WANG TUNAI (CASHLESS).

Antara kebaikannya yang pertama adalah kemudahan dan kecepatan dalam transaksi. Penggunaan cashless memungkinkan transaksi yang lebih cepat dan efisien. Pembayaran dapat dilakukan hanya dengan sekali sentuhan atau scan, menjimatkan waktu baik untuk pelanggan maupun penjual kerana mereka tidak perlu mengira, menyimpan atau membawa wang tunai.

Selain daripada itu, cashless juga boleh membantu pengguna memantau dan mengurus kewangan peribadi mereka dengan lebih baik, kerana setiap transaksi tanpa tunai mencipta jejak digital yang mudah dijejaki. Jejak digital yang dijana oleh cashless juga boleh memberi manfaat kepada kerajaan dan institusi kewangan. Contohnya, cashless boleh memudahkan kutipan cukai, mencegah rasuah, dan memantau aktiviti ekonomi.



Malahan, cashless dapat memberikan risiko yang rendah berbanding wang tunai. Teknologi encryption dan dual layer authentication sering kali digunakan untuk melindungi data dan transaksi. Ianya boleh mengurangkan risiko kehilangan, kecurian atau pemalsuan wang tunai. Sekiranya pengguna kehilangan kad atau telefon, pihak bank boleh segera menyekat atau menggantikan akaun mereka tanpa kehilangan wang dan di samping memberikan perlindungan kepada pengguna, seperti insurans, jaminan atau bayaran balik. Akhir sekali, sistem cashless memungkinkan perkembangan berterusan dalam inovasi pembayaran.

KEBURUKAN SISTEM TANPA WANG TUNAI

Meskipun teknologi ini menawarkan kemudahan dan efisiensi yang luar biasa, penting bagi kita untuk memahami bahawa di sebalik kemudahan tersebut terdapat kekurangan yang perlu diperhatikan secara serius. Antara keburukannya tahap kebergantungan manusia pada teknologi semakin tinggi. Hal ini kerana sistem cashless sangat bergantung pada teknologi. Ianya memerlukan peranti elektronik, capaian internet dan platform pembayaran digital untuk berfungsi. Jika terjadi masalah teknikal, ketiadaan elektrik dan capaian internet yang lemah, hal ini dapat menyebabkan kesulitan dalam melakukan transaksi. Oleh itu, transaksi tanpa wang tunai atau cashless mungkin tertangguh atau gagal.

Seterusnya, keburukan sistem tanpa wang tunai atau cashless ini ialah jurang digital. Ada sesetengah tempat mendapat capaian internet yang pantas, ada yang sebaliknya. Sistem tanpa wang tunai memerlukan akses kepada teknologi dan bank yang tidak semua orang miliki. Orang yang kurang bernasib baik dari segi kewangan atau tinggal di kawasan terpencil mungkin tidak mempunyai peranti elektronik, sambungan internet atau akaun bank yang diperlukan untuk menggunakan sistem tanpa wang tunai. Ini boleh mewujudkan jurang sosial dan ekonomi antara mereka yang boleh menggunakan sistem tanpa wang tunai dan mereka yang tidak boleh. Selain itu, sistem ini juga boleh mengecualikan kumpulan orang yang tidak biasa atau tidak mempercayai teknologi seperti orang tua, buta huruf, atau orang asli.

Meskipun banyak langkah keselamatan diambil, risiko kebocoran data dan jenayah siber tetap ada. Data kewangan yang disimpan secara digital sering menjadi target serangan. Ini kerana sistem tersebut menyimpan maklumat kewangan pengguna secara digital, contoh nombor kad, baki, sejarah transaksi dan maklumat peribadi lain.



Apa yang boleh kita simpulkan di sini ialah kebanyakan negara seluruh dunia bergerak ke arah menjadikan negaranya tanpa tunai. Wang tunai mungkin satu hari nanti akan terhapus dengan sendirinya mengikut peredaran zaman. Mungkin juga anak kita pada masa akan datang sudah tidak kenal lagi wang tunai. Malaysia dilihat masih jauh berbanding negara lain seperti China, Sweden dan United States. Walaupun begitu, usaha ke arah itu adalah dilihat sangat positif. Bak kata pepatah tak dapat berjalan tegak, berengsot-engsot pun sampai juga. Kesedaran dalam kalangan pengguna juga telah meningkat. Hakikatnya, masyarakat tanpa tunai dilihat membawa lebih banyak manfaat dan peluang berbanding sistem kewangan yang sedia ada pada hari ini.

RUJUKAN:
IMANA MAHADI. (2020, APRIL 13).
BAIK BURUK DUNIA TANPA TUNAI.
PERSPEKTIF, 13/2020)

DISUNTING OLEH: JAMALIAH SHAFIEI

Potensi dan Cabaran Masyarakat Tanpa Tunai

Oleh: Mashithah Md Hasim



Masyarakat tanpa tunai adalah konsep yang semakin mendapat perhatian di seluruh dunia. Dengan kemajuan teknologi dan peningkatan penggunaan perkhidmatan digital, banyak negara sedang bergerak ke arah ini. Walaubagaimanapun, setiap perubahan besar akan menghadapi potensi dan cabaran yang perlu dipertimbangkan.

Potensi

1 Pengurangan Jenayah

Dengan kurangnya wang tunai fizikal, jenayah seperti rompakan bank dan kecurian berkurang. Transaksi digital lebih mudah dikesan, menjadikannya sukar untuk dieksplotasi oleh penjenayah.

2 Kemudahan

Transaksi tanpa tunai yang cepat dan mudah bakal mengurangkan keperluan membawa wang fizikal. Ini sangat bermanfaat untuk perjalanan antarabangsa yang akan mengurangkan kesulitan pertukaran mata wang asing dan juga mengelakkan caj pertukaran yang mahal. Selain itu, pengguna dapat menikmati pertukaran wang semasa dan mengurangkan risiko kerugian akibat naik turun nilai matawang.

3 Manfaat Ekonomi

Di negara-negara membangun, peralihan kepada masyarakat tanpa tunai dapat memberikan manfaat sosio-ekonomi yang besar. Dengan memudahkan akses kepada perkhidmatan kewangan, lebih ramai individu dapat menyimpan wang dengan selamat, melakukan transaksi dengan lebih efisien, dan mengakses kredit mikro. Ini akan mendorong pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat dan berlanjutan.

4 Kebersihan

Pengurangan sentuhan fizikal dengan wang tunai dapat mengurangkan penyebaran kuman, yang menjadi sangat relevan semasa pandemik COVID-19.



Cabaran Masyarakat Tanpa Tunai

1

Pengecualian

Tidak semua individu mempunyai akses kepada perbankan digital. Sebahagian besar penduduk termasuk warga tua dan mereka yang menetap di kawasan luar bandar berkemungkinan menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri.



2

Kebimbangan Privasi

Transaksi digital yang boleh dikesan dan dijejaki menimbulkan kebimbangan tentang privasi seseorang individu.

3

Risiko Keselamatan Siber

Walaupun transaksi digital mengurangkan kecurian fizikal tetapi ia meningkatkan risiko jenayah siber. Pencerobohan data dan penggodaman adalah isu utama selain dari kecurian peranti yang mempunyai akses ke aplikasi kewangan.



Kesimpulan

Secara keseluruhan, peralihan ke arah masyarakat tanpa tunai menawarkan banyak manfaat, termasuk pengurangan jenayah, kemudahan yang dapat dinikmati pengguna, manfaat ekonomi, dan kebersihan. Namun, ia juga menghadirkan cabaran yang perlu ditangani untuk memastikan keterangkuman dan keselamatan. Dengan pendekatan yang betul, masyarakat tanpa tunai boleh menjadi realiti yang membawa banyak kebaikan kepada semua.

Apa pendapat anda tentang peralihan ke arah masyarakat tanpa tunai? Adakah anda melihat lebih banyak manfaat atau cabaran?

KESELAMATAN PENGGUNAAN E-WALLET: MEMAHAMI RISIKO DAN LANGKAH-LANGKAH PERLINDUNGAN

OLEH: MOHAMAD KHAIRI OSMAN

E-wallet atau dompet digital semakin popular sebagai alternatif pembayaran tanpa tunai. Namun, pengguna perlu memahami risiko dan mengambil langkah-langkah keselamatan untuk melindungi data dan diri. Berikut adalah beberapa aspek yang perlu dipertimbangkan:

1. KESELAMATAN DATA DAN MAKLUMAT PERIBADI:

- E-wallet (dompet digital) menawarkan lapisan keselamatan tinggi, tetapi pengguna perlu memastikan kata laluan dan maklumat peribadi mereka tidak terdedah.
- Penggunaan cap jari, pengesahan wajah dan pengesahan dua faktor adalah cara untuk memperkuat keselamatan e-wallet.



2. TRANSAKSI SELAMAT:

- Pastikan e-wallet yang digunakan merupakan aplikasi yang boleh dipercayai dan mematuhi piawaian keselamatan.
- Elakkan penggunaan wi-fi awam untuk transaksi kewangan dan selalu menyemak transaksi serta baki untuk tujuan keselamatan.

3. PENGESAHAN TRANSAKSI:

- E-wallet harus mempunyai mekanisma untuk mengesan transaksi mencurigakan dan pemberitahuan kepada pengguna untuk setiap transaksi yang dilakukan bagi tujuan semakan dan tindakan awal seperti menyekat akses serta transaksi seterusnya daripada dilakukan. Sebarang tambah nilai atau transaksi bayaran melebihi had yang ditetapkan akan ditolak secara automatik.
- Untuk setiap transaksi penggunaan pengesahan wajah dan pin nombor. Tempoh bertengang untuk pendaftaran perkhidmatan kali pertama bagi peranti baharu adalah penting bagi mengelakkan sebarang penyelewengan.

4. PENGGUNAAN YANG BIJAK:

- Jangan gunakan aplikasi e-wallet secara sembarangan. Pastikan aplikasi yang digunakan mematuhi peraturan dan standard keselamatan yang ditetapkan.
- Jangan simpan kata laluan di tempat yang mudah diakses oleh orang lain. Gunakan pengesahan dua faktor untuk lebih selamat.

5. KESEDARAN RISIKO:

- Pengguna perlu memahami risiko penggunaan e-wallet dan mengambil tindakan berdasarkan pengetahuan ini.
- E-wallet memiliki potensi besar sebagai sistem pembayaran, tetapi keselamatan harus menjadi keutamaan.



INGATLAH BAHWA KESELAMATAN ADALAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA. DENGAN MENGAMALKAN LANGKAH-LANGKAH PERLINDUNGAN INI, PENGGUNA DAPAT MENIKMATI MANFAAT E-WALLET TANPA RISIKO YANG TINGGI. 😊🔒



Mengapa Anda Perlu Amalkan Transaksi Tanpa Tunai

Memang tidak dinafikan teknologi telah lama membentuk cara hidup kita, salah satu aspek yang paling jelas adalah bagaimana kita menguruskan transaksi kewangan. Transaksi tanpa tunai telah dimudahkan dengan pelbagai cara pembayaran elektronik, bukan sahaja telah menjadi satu kebiasaan di Malaysia, bahkan sangat popular di seluruh dunia.



Kelebihan Transaksi tanpa tunai

Transaksi tanpa tunai memberi pelbagai kelebihan kepada semua golongan masyarakat. Di antara alasannya adalah:

01

Kemudahan : Ia memberi kemudahan dalam proses pembelian dan pembayaran.

02

Anda tidak membawa wang tunai kerana semuanya akan diselesaikan dengan cepat dan mudah melalui kad kredit, kad debit atau melalui pembayaran secara elektronik.

03

Keselamatan: Membawa jumlah wang yang besar boleh menjadi risiko keselamatan dengan ini, risiko dapat dikurangkan.

04

Audit dan Rekod: Transaksi tanpa tunai akan mencatat transaksi secara elektronik, ini membolehkan individu memeriksa rekod transaksi secara mudah.

Ia membantu dalam penyelidikan dan pengesahan penipuan.

05

Pengekalan Belanjawan: Individu lebih cenderung untuk mengurus belanjawan dengan lebih baik.

Penggunaan kad debit atau kredit membolehkan mereka mengawal dan mengesan perbelanjaan dengan lebih teratur

Mendorong Pertumbuhan Ekonomi Digital: Transaksi tanpa tunai membantu mempercepat perkembangan ekonomi digital.

Ini merangkumi pembangunan infrastruktur dan penambahbaikan sistem pembayaran elektronik yang mempunyai kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi.

06

Mengurangkan Kos: Ia dapat membantu dalam mengurangkan kos pengendalian wang tunai seperti mencetak, menyimpan dan membawa wang fizikal.

07

Mempercepatkan Transaksi: Ia membantu dalam mengurangkan masa yang diambil untuk menyelesaikan pembelian atau pembayaran. Transaksi tanpa tunai adalah lebih pantas daripada transaksi tunai.

08

Pilihan Yang Lebih Luas: Kemunculan pelbagai teknologi pembayaran digital ini memberi pilihan yang banyak kepada pengguna dalam melakukan transaksi. Ini termasuklah pembayaran melalui aplikasi mudah alih, dompet digital dan sebagainya.

09

Kemudahan Dalam Pelbagai Urus Niaga: Ia tidak terhad kepada pembelian barang dan perkhidmatan sahaja. Ia juga boleh digunakan untuk membayar bil, menghantar wang kepada individu lain dan pelbagai urus niaga lain secara elektronik.

Dengan kelebihan ini, amalan transaksi tanpa tunai semakin menjadi pilihan yang digemari oleh individu dan masyarakat pada umumnya. Bagi menyahut transformasi ini sebenarnya bukan sesuatu yang sukar untuk membeli gajet yang baru bagi mengamalkan transaksi tanpa tunai. Cukuplah sekadar gajet pintar terpakai yang menyokong app seperti Maybank2u, TNG eWallet dan penyedia perkhidmatan lain yang bertaualiah.


TANGANI PANGGILAN SCAMMER DENGAN BIJAK

Adakah anda kerap dihubungi oleh nombor yang tidak dikenali? Panggilan seumpama ini berkemungkinan berniat jahat dikenali sebagai Scammer. Jika anda menerima panggilan tidak dari nombor yang tidak dikenali sebegini, sebaiknya jangan diangkat. Scammer sering menggunakan nombor yang tidak dikenali atau nombor yang mirip dengan nombor tempatan.

Scammer memanipulasi mangsa

Dalam era teknologi yang serba moden ini, ancaman jenayah siber semakin meningkat dan salah satu kaedah yang kerap digunakan oleh penjenayah ialah melalui panggilan telefon. Scammer akan menggunakan taktik panggilan palsu untuk memerangkap mangsa, memperdaya mereka dengan pelbagai alasan bagi mendapatkan maklumat peribadi atau kewangan. Ancaman ini tidak boleh dipandang remeh kerana boleh mengakibatkan kerugian kewangan melibatkan jumlah wang yang banyak serta memberikan tekanan emosi kepada mangsa.

Kaedah yang sering digunakan ialah penyamaran sebagai pihak berkuasa seperti pihak polis, agensi kerajaan, pegawai bank dan banyak lagi. Mereka sedaya upaya memanipulasi mangsa dengan menggunakan nada suara yang meyakinkan dan mendakwa bahawa mangsa terlibat dalam kegiatan jenayah atau mempunyai tunggakan kewangan yang perlu diselesaikan segera. Situasi cemas yang diwujudkan serta desakan segera merupakan teknik scammer yang mengakibatkan emosi mangsa terganggu dan mengambil tindakan tanpa berfikir secara rasional. Scammer akan menyamar sebagai pegawai bank atau institusi kewangan dan mendakwa akaun bank mangsa terlibat dalam transaksi mencurigakan serta memerlukan pengesahan segera. Mangsa kemudian diarahkan untuk memberikan nombor akaun, kata laluan atau kod pengesahan (OTP). Ada yang menyamar sebagai agensi kerajaan atau penguatkuasa undang-undang. Mangsa dihubungi dengan alasan terlibat dalam kes jenayah, seperti pengubahan wang haram atau penyeludupan dan diancam dengan tindakan undang-undang jika tidak memberikan maklumat peribadi atau membuat pembayaran denda segera.





HADIAH LUMAYAN

Selain itu, scammer juga mungkin menawarkan hadiah lumayan atau peluang pelaburan palsu, menjadikan mangsa berasa tergesa-gesa untuk memberikan maklumat peribadi atau membuat bayaran. Mangsa dimaklumkan telah memenangi hadiah lumayan atau mendapat tawaran pelaburan yang menguntungkan, namun perlu membayar sejumlah wang sebagai yuran proses atau pengesahan.

KESAN PSIKOLOGI

Anda perlu sedar bahawa ancaman scammer melalui panggilan telefon berisiko bukan sahaja menyebabkan kerugian jumlah wang ringgit yang tinggi nilainya, malah turut memberi kesan psikologi kepada mangsa. Ramai yang mengalami tekanan emosi, perasaan malu, dan hilang keyakinan diri setelah menyedari mereka telah ditipu. Dalam sesetengah kes, warga emas menjadi sasaran utama kerana mereka kurang peka terhadap teknik-teknik penipuan moden ini. Kes-kes seperti ini juga menyebabkan ramai yang takut untuk berurusan dengan pihak bank atau agensi kerajaan secara dalam talian, seterusnya mengganggu urusan harian mereka. Lebih malang lagi, ramai mangsa tidak membuat laporan polis kerana merasa malu atau tidak yakin tindakan undang-undang tidak dapat membantu mendapatkan semula wang mereka.

KEBOCORAN DATA

Bagaimana anda boleh dihubungi oleh scammer? Adakah secara rawak atau sememangnya anda merupakan sasaran utama. Dari mana butiran data kita diperolehi? Bukankah data peribadi kita dilindungi? Ya, data kita iaitu subjek data dilindungi dengan **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709)**. Akan tetapi kebocoran data akan berlaku sekiranya ada pihak yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakannya.

Sebagai contoh, jika permohonan pinjaman bank anda diluluskan dan maklumat ini jatuh ke tangan yang salah, anda mungkin menjadi sasaran penipuan. Begitu juga, pengumuman persaraan dengan jumlah pampasan yang besar boleh menarik minat penjenayah siber. Data peribadi kita semakin bernilai di pasaran gelap, dan individu yang tidak bertanggungjawab sering memperdagangkan maklumat ini untuk kepentingan mereka. Oleh itu, menjaga kerahsiaan maklumat anda adalah langkah utama untuk melindungi diri daripada menjadi mangsa.



“ Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) atau APDP merupakan salah satu bentuk perundangan siber yang diperakukan dalam pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC).

“

”

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut
• www.pdp.gov.my • 03 - 8911 7987 / 7919
• @JabatanPerlindunganDataPeribadi
• @pdpmalaysia

#KeluargaMalaysia
#JomAmbilPeduli
#LindungiDataPeribadiPelangganAnda

TANGANI ANCAMAN

Selain dari cakna mengenai ancaman scammer ini, kita juga boleh mengelak dari menjawab panggilan dari scammer dengan bantuan aplikasi-aplikasi berikut:

Semua aplikasi ini boleh dimuat turun dalam *Google Play store* dan *Apps Store* di dalam telefon bimbit anda.

Selain dari aplikasi yang disenaraikan tadi, aplikasi *Whoscall* turut menjadi pilihan untuk menangani panggilan Scammer. Aplikasi ini telah disarankan oleh anggota PDRM ASP Rahmat Fitri Bin Abdullah melalui perkongsiannya dalam Program Di Ambang Persaraan Facebook live Anjuran USM Kampus Kejuruteraan. <https://www.facebook.com/61551424405169/videos/1721645281641877>.

APLIKASI

- **Truecaller**
- **Mr. Number**
- **Call Blocker**
- **Robokiller**
- **Hiya**

The advertisement features a woman in a dark blue police uniform with a headscarf, smiling and holding a smartphone. The screen of the phone displays the 'whos call' logo. To the left, there is a circular graphic containing the Royal Malaysian Police crest and the text 'Jangan Kena Scam Muat Turun Whoscall'. Below this are download links for the App Store and Google Play.

WHOSCALL

Anda boleh muat turun secara percuma dan untuk langganan Premium Plan adalah serendah Rm7/bulan. Menurut ASP Rahmat lagi, data dalam aplikasi *Whoscall* ini dibekalkan oleh PDRM dan sah ketulennannya. Dengan menggunakan salah satu daripada aplikasi-aplikasi ini, anda boleh mengurangkan risiko menerima panggilan scammer, sekali gus melindungi privasi dan keselamatan diri.

Ancaman scammer melalui panggilan telefon semakin meningkat dan memberi kesan buruk kepada masyarakat. Oleh itu, adalah penting bagi setiap individu untuk sentiasa berwaspada dan peka terhadap teknik penipuan yang digunakan oleh scammer. Dengan kesedaran dan langkah pencegahan yang berkesan, kita dapat mengurangkan risiko menjadi mangsa penipuan ini dan melindungi diri serta keluarga daripada ancaman scammer. Keselamatan maklumat peribadi dan kewangan haruslah sentiasa diutamakan. Tangani panggilan Scammer dengan bijak!!

ADAKAH API INI BOLEH MEMBAKAR?

API atau dalam bahasa penuhnya Application Programming Interface, boleh ditakrifkan sebagai jurucakap yang memudahkan interaksi dua aplikasi berkomunikasi sesama sendiri.

Bayangkan ketika kita berada di sebuah restoran. Di dalam restoran, sebagai pelanggan kita akan memesan makanan. Kita tidak perlu ke dapur restoran untuk memasak makanan yang diingini.

Pelayan akan datang dan bertanya apa yang ingin dipesan, kemudian pelayan itu yang akan menghantar pesanan tersebut ke dapur yang diuruskan oleh chef. Apabila makanan telah siap, pelayan akan membawa hidangan ke meja. Di dalam situasi ini, pelayan tersebut berfungsi sebagai API. Dia menjadi perantara antara pelanggan dan dapur yang merupakan dua sistem berbeza.

Contoh lain yang lebih khusus seperti ChatGPT yang menggunakan Artificial Intelligence (AI) dari OpenAI untuk menjawab soalan, menulis artikel dan banyak lagi. Kita akan dapat API digunakan untuk tujuan memproses soalan dan jawapan.

Langkah pertama, pengguna atau sistem luar akan menghantar permintaan ke API ChatGPT. Pengguna akan melakukan permintaan khas, yang kebiasaannya dalam bentuk HTTP request, untuk berkomunikasi dengan API.

Langkah kedua, API ChatGPT akan menerima permintaan itu dan memahami apa yang perlu dilakukan.



Langkah ketiga, API ChatGPT akan berkomunikasi dengan sistem AI ChatGPT di belakang tabir, memproses permintaan tersebut. Ini ibarat pelayan yang pergi ke dapur dan memberitahu kita pesanan kepada tukang masak.

Langkah keempat, setelah AI ChatGPT selesai memproses, ia akan kembali ke API dengan jawapan atau hasilnya. Jikalau permintaan tadi adalah untuk menjawab soalan, AI akan kembali dengan jawapan.

Akhirnya, langkah kelima, API ChatGPT akan hantar balik jawapan atau hasil itu ke aplikasi atau sistem atau pengguna yang membuat permintaan tadi. Seperti pelayan yang membawa masakan yang dipesan ke meja pelanggan..

Demikianlah serba sedikit tentang API. Mudah-mudahan dengan contoh yang diberikan, kita dapat memahami apa itu API dan cara ia bekerja.

API penting supaya interaksi antara sistem dan aplikasi menjadi lebih mudah dan teratur. Tanpa API, dunia IT mungkin akan jadi lebih rumit dan kompleks

AGI ADALAH CIPTAAN TERAKHIR MANUSIA: SEJAUH MANA KESEDIAAN KITA?

Kecerdasan Buatan Umum (Artificial General Intelligence - AGI) telah lama dianggap sebagai pencapaian akhir dalam perkembangan teknologi kecerdasan buatan. Berbeza dengan AI yang kita gunakan sekarang yang dikhususkan untuk tugas tertentu, AGI adalah kecerdasan buatan yang dapat melaksanakan pelbagai tugas intelektual seperti manusia. Namun persoalannya, sejauh manakah kita daripada mencipta AGI dan apakah kesannya terhadap kemanusiaan?

PERKEMBANGAN AI SEHINGGA KINI

Dalam dekad yang lalu, kita telah menyaksikan perkembangan pesat dalam bidang kecerdasan buatan. Pada mulanya, sistem AI hanya dapat melaksanakan tugas-tugas yang sangat spesifik seperti pengenalan corak atau permainan catur. Kini, kita sudah mempunyai model bahasa yang boleh berinteraksi dengan manusia secara kompleks, kereta autonomi dan sistem AI yang mampu mengalahkan pemain terbaik dunia dalam permainan yang lebih rumit daripada catur seperti Go.





Namun begitu, teknologi sedia ada masih jauh daripada fungsi AGI sebenar. Walaupun AI semasa adalah "pintar" dalam konteks tugas tertentu, ia tidak dapat memahami atau mempelajari pelbagai jenis tugas baharu tanpa pengaturcaraan atau pembelajaran tambahan yang meluas. AGI sebenar mempunyai keupayaan untuk belajar, menyesuaikan diri dan menyelesaikan masalah dalam pelbagai domain seperti manusia.

The Benefits of AGI (Artificial General Intelligence)



Apakah yang diperlukan untuk menjayakan teknologi AGI?



Untuk menjayakan teknologi AGI kita memerlukan penyelidikan dan pembangunan dalam beberapa bidang tersebut:

- **Pemahaman Sains Kognitif:** AGI memerlukan pemahaman mendalam tentang bagaimana minda manusia berfungsi. Kita belum lagi memahami sepenuhnya bagaimana otak manusia memproses maklumat, membuat keputusan dan belajar. Pengetahuan ini perlu diterapkan dalam pembinaan AGI.
- **Pengkomputeran Lanjutan:** AGI akan memerlukan kuasa pengkomputeran yang jauh lebih kompleks daripada yang ada sekarang. Komputer dapat memproses dan menyimpan jumlah data yang besar dengan lebih cekap.
- **Etika dan Peraturan:** Dengan keupayaan AGI yang berpotensi melebihi kecerdasan manusia, perbincangan tentang etika dan peraturan menjadi lebih mendesak. Bagaimana kita memastikan AGI digunakan untuk kebaikan? Siapa yang akan bertanggung jawab ke atasnya?

Jangka Masa Kemajuan Menuju AGI

Para penyelidik mempunyai pendapat yang berbeza tentang berapa lama lagi kita akan mencapai AGI. Sesetengah pakar meramalkan bahawa kita mungkin mencapainya dalam tempoh 20 hingga 50 tahun, manakala yang lain berpendapat ia mungkin mengambil masa lebih lama atau bahkan tidak mungkin dicapai.

Impak AGI terhadap Kemanusiaan

AGI dijangka membawa perubahan yang besar kepada masyarakat. Dengan kemampuan untuk mengautomasikan hampir semua tugas intelektual, ia berpotensi untuk mengubah industri, ekonomi dan kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, terdapat juga kebimbangan mengenai bagaimana AGI mungkin mengancam pekerjaan dan juga kemungkinan AGI menimbulkan risiko kepada kewujudan manusia jika ia tidak dikawal dengan betul.

Kesimpulan

AGI mungkin menjadi ciptaan terakhir kemanusiaan kerana ia boleh menjadi alat yang mampu mengatasi batasan minda manusia. Walaupun kita masih jauh daripada mencapainya, kemajuan dalam kecerdasan buatan terus berkembang pesat. Adalah penting untuk kita bersiap sedia dengan potensi impak AGI dan memastikan ia dibangunkan dengan cara yang beretika dan selamat.





SMART CLASSROOM

Future Education

IMBASAN MUKA PAPAN

- INTERAKTIF
- SUASANA PEMBELAJARAN
- YANG TENANG

SMART ATTENDANCE

- SMART TV
- SMART PAD
- SMART CONTROL PANEL
-

SMART CLASSROOM

Smart Classroom merupakan satu perkembangan terkini dalam teknologi pendidikan yang menggabungkan teknologi moden untuk menjadikan pembelajaran lebih produktif dan menyeronokkan. Smart Classroom menggunakan teknologi seperti papan putih interaktif, tablet dan platform *cloud-based* untuk menyampaikan pengajaran dalam cara baharu dan berbeza berbanding bilik darjah konvensional yang bergantung pada buku teks dan papan tulis.

Kelebihan Smart Classroom

- Pengalaman pembelajaran lebih interaktif
- Interaksi guru-murid dipertingkatkan
- Menjimatkan kos dalam jangka masa panjang
- Menjimatkan masa
- Menjimatkan tenaga

Masa Hadapan Smart Classroom

Apabila teknologi terus bertambah baik, potensi Smart Classroom akan berkembang dengan lebih jauh. Peluang kerja pembelajaran dan kerjasama jangka panjang yang dibuat secara praktikal oleh pembangunan rangkaian 5G akan disokong oleh sambungan yang lebih teguh dan lebih dipercayai. Peningkatan kecanggihan ini akan memberikan bantuan pembelajaran yang lebih berkesan kepada para pelajar.

SUSUN ATUR SMART CLASSROOM





Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi (PPKT) Kampus Kejuruteraan sekali lagi telah berjaya menganjurkan persidangan peringkat kebangsaan ICT4U 2.0 yang berfokus kepada memperkasakan transformasi digital dalam sektor pendidikan tinggi. Persidangan kali ini bertemakan "*Foresighting Digital Evolution for Sustainable Education*" yang telah berlangsung pada 18 hingga 19 September 2024 di Parkroyal Penang Resort.



PERSIDANGAN ICT4U 2.0 :

MEMPERKASAKAN TRANSFORMASI DIGITAL DALAM PENDIDIKAN TINGGI

“Foresighting Digital Evolution for Sustainable Education”

Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara, YBrs. Ts. Dr. Fazidah binti Abu Bakar turut hadir ke persidangan ICT4U 2.0 kali ini dan telah menyampaikan ucaptama bertajuk “Aspirasi Digital Sektor Awam” serta seterusnya merasmikan program.

ICT4U 2.0 adalah persidangan yang mengumpulkan pakar-pakar terkemuka, pengamat ICT, pendidik, dan pemikir-pemikir masa hadapan sebagaimana kita menyelami landskap dinamik evolusi digital dan kesan mendalamnya terhadap dunia pendidikan. Menerokai strategi, berkongsi pandangan dan menjadi sebahagian daripada dialog yang membentuk era pembelajaran seterusnya. Bersedia untuk membayangkan, menginspirasi dan menyemarakkan perubahan dalam bidang pendidikan berteraskan teknologi digital.

Persidangan ini telah menyaksikan pembentangan yang merangkumi topik-topik penting seperti Kecerdasan Buatan (AI), Infrastruktur Digital, Big Data, Keselamatan ICT dan konsep Kampus Pintar. Seiring dengan perkembangan teknologi dan kepentingan memperkasakan transformasi digital dalam pendidikan tinggi, topik yang dipilih ini dilihat berpotensi besar untuk mempercepatkan proses digitalisasi universiti awam dan swasta, memudahkan komunikasi serta penyampaian perkhidmatan pendidikan yang lebih cekap dan komprehensif.

FORUM

“Implementing A Digital Blueprint: Challenges & Best Practices”



Selain itu, forum yang bertemakan “Implementing A Digital Blueprint: Challenges & Best Practices” turut diadakan yang menampilkan panel-panel dari universiti awam, swasta dan juga industri. Forum ICT4U 2.0 disertai Dr. Muhammad Firdaus Akbar Jalaludin Khan, Ketua Pegawai Digital USM yang menggalas tanggungjawab sebagai Moderator. Hasil perbincangan forum ini memberikan peluang kepada peserta untuk mendapatkan maklumat serta idea dalam menangani cabaran dan pendedahan teknologi terkini yang dihadapi oleh institusi pendidikan tinggi.

Persidangan ini juga menyaksikan kehadiran Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) merangkap Ketua Pegawai Digital (CDO), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Datuk Mohamad Azhan Md. Amir memberi ucapan seterusnya merasmikan upacara penutup program.


Sasaran peserta terdiri daripada CDO/Pengarah IT universiti awam, MAPITA, Jabatan Digital Negara dan semua pentadbir IT di agensi kerajaan, universiti, politeknik, kolej komuniti, institusi pengajian awam dan swasta. Persidangan ini berjaya menarik penyertaan 157 orang peserta dengan 29 jumlah kertas kerja telah berjaya dibentangkan oleh 27 orang pembentang dalam membincangkan hala tuju transformasi digital sektor pendidikan tinggi negara. Lebih menarik, persidangan kali ini turut melibatkan kertas kerja penyelidikan oleh ahli akademik universiti untuk dibentangkan.

Persidangan ini dikendalikan sepenuhnya menggunakan kepakaran dalaman dari PPKT sendiri termasuklah penggunaan Sistem Pengurusan Persidangan EZConf, Sistem EZreg (Pendaftaran Kod QR) dan Sistem Cabutan Bertuah yang dibangunkan secara dalaman oleh Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi (PPKT) Kampus Kejuruteraan USM. Usaha ini menggambarkan komitmen USM dalam menerapkan teknologi canggih yang dibangunkan secara dalaman.



Platform memperkuatkan jaringan kerjasama antara universiti, agensi kerajaan, dan sektor swasta

Persidangan ICT4U 2024 ini bukan sahaja berperanan sebagai platform untuk berkongsi ilmu, tetapi juga sebagai usaha untuk memperkuatkan jaringan kerjasama antara universiti, agensi kerajaan, dan sektor swasta dalam memajukan teknologi digital. Pengajian ini diharapkan agar dapat diteruskan dalam menyumbang kepada pembangunan industri ICT negara serta memperkasa institusi pendidikan tinggi untuk menghadapi cabaran digitalisasi global yang akan datang.




Keynote speaker : Prof Dr. Jun Murai

STORAN MICROSOFT OFFICE 365 (M365) DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PERSPEKTIF TEKNOLOGI MAKLUMAT

388.89 over 100 TB storage limit ⓘ
TB



Status terkini penggunaan storan terkumpul di tenant student.usm.my

Data diambil pada pukul 9:00 malam, 3 Oktober 2024

Dalam menghadapi cabaran ini, kebimbangan universiti adalah mengenai storan terkumpul pelajar yang kini telah mencapai 388TB penggunaan berbanding had yang diperuntukkan sebanyak 100TB di tenant pelajar.

USM memiliki lebih daripada 40,000 pelajar dan staf, yang mana setiap individu memerlukan ruang penyimpanan untuk data akademik, penyelidikan dan pentadbiran. Seiring dengan peningkatan penggunaan teknologi dan digitalisasi, jumlah data yang dihasilkan setiap hari semakin meningkat. Pelajar kini menggunakan ruang penyimpanan sebanyak 388TB, melebihi had 100TB yang ditetapkan. Keadaan ini menimbulkan masalah kerana pelajar yang melebihi had hanya akan dapat muat turun dokumen dan seterusnya mengakibatkan proses pengajaran dan pembelajaran terjejas. PPKT sedang merangka pelan untuk berkolaborasi bersama Pusat Pengajian bagi membantu pelajar mengambil tindakan mengurangkan storan di akaun masing-masing.

Di samping itu, terdapat sekitar 4,000 akaun jabatan yang digunakan khusus untuk program, persidangan dan seumpamanya. Akaun-akaun ini perlu dijaga dengan baik kerana akan berdepan dengan risiko keselamatan data sekiranya pemilik akaun sering bertukar dan lama-kelamaan dibiarkan begitu sahaja. Oleh itu, adalah penting untuk mengambil langkah-langkah proaktif dalam menguruskan dan mengoptimumkan penggunaan storan.

USM telah mengambil beberapa inisiatif untuk mengatasi krisis storan ini. Salah satu langkah awal adalah dengan melaksanakan sistem pemantauan penggunaan akaun. Melalui sistem ini, pihak pengurusan dapat mengenal pasti akaun yang tidak aktif dan mengambil tindakan yang sesuai. Sebagai contoh, akaun yang tidak digunakan selama lebih dari dua belas bulan akan dipertimbangkan untuk dinyahaktifkan.

Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan salah satu institusi pendidikan tinggi yang menggunakan storan awan secara ekstensif di Malaysia. Namun, dengan pelaksanaan polisi baru di pihak Microsoft secara global, universiti ini kini berdepan dengan krisis storan di tenant staf dan pelajar.

Krisis ini melibatkan isu pengurusan data dan ruang penyimpanan yang tidak mencukupi untuk menyokong keperluan akademik dan pentadbiran.

Ts. Zaiyana Mohamed Hussain
membentangkan kertas kerja
Storan M365 di Persidangan ICT4U 2.0



DO'S AND DON'TS UNTUK PENGURUSAN AKAUN JABATAN

DO'S:

- Audit Akaun Secara Berkala:** Lakukan pemeriksaan berkala untuk mengenal pasti akaun yang tidak aktif dan ambil tindakan yang sesuai.
- Sediakan Latihan:** Berikan latihan kepada staf tentang cara menguruskan data dan menggunakan storan dengan berkesan.
- Tetapkan Panduan Penggunaan:** Wujudkan panduan yang jelas mengenai penggunaan akaun dan penyimpanan untuk mengelakkan pembaziran sumber.

DON'TS:

- Jangan Abaikan Akaun Tidak Aktif:** Akaun yang tidak digunakan perlu diurus dengan baik, bukan dibiarkan tanpa tindakan.
- Elakkan Pembaziran Ruang Penyimpanan:** Jangan simpan data yang tidak perlu atau redundant dalam sistem penyimpanan.
- Jangan Remehkan Keselamatan Data:** Keselamatan data perlu diutamakan, termasuk mengenal pasti dan menutup akaun yang tidak lagi digunakan.



Krisis storan di Universiti Sains Malaysia memerlukan perhatian segera daripada semua pihak. Dengan inisiatif yang tepat dan penyelesaian inovatif, universiti ini dapat mengatasi cabaran yang dihadapi dan memastikan semua pelajar dan staf mempunyai akses yang efisien kepada sumber penyimpanan yang diperlukan. Pengurusan penggunaan storan perlu dilaksanakan dengan bijak bagi mengatasi masalah penggunaan storan pelajar yang melebihi had. USM perlu mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran masa depan dalam pengurusan storan melalui pengurusan yang baik dan penggunaan teknologi terkini.

Penulis

En Mahadi Yusof
Timbalan Pengarah
Bahagian Pengurusan Digital
Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi


Ts. Zaiyana Mohamed Hussain
Ketua Seksyen Perkhidmatan Awan
Bahagian Pengurusan Digital
Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi



Pemasangan MS Office 2019

Berikut adalah langkah-langkah pemasangan MS Office 2019 (license USM). Sebelum itu, pastikan uninstall terlebih dahulu sebarang version MS Office pada PC atau laptop.

1. Muat turun fail dari pautan yang diberikan: [//softwareserver.usm.my/microsoft/Office](http://softwareserver.usm.my/microsoft/Office)
2. Salin fail tersebut dan letakkan dalam satu folder. **Contoh: C:\Office2019**
3. Buka command prompt dan Run as Administrator



4. Taip command seperti berikut: cd c:\Office2019 dan tekan Enter


A screenshot of an Administrator Command Prompt window. The title bar says 'Administrator Command Prompt'. The window displays the following text:

```
Microsoft Windows [Version 10.0.22000.2538]
(c) Microsoft Corporation. All rights reserved.

C:\Windows\system32>cd c:\Office2019
```

The command 'cd c:\Office2019' is visible at the bottom of the window.


ii. Taip “setup.exe /configure configuration-Office2019Enterprise.xml” dan tekan Enter




```
Administrator: Command Prompt - setup.exe /configure configuration-Office2019Enterprise.xml
Microsoft Windows [Version 10.0.22000.2538]
(c) Microsoft Corporation. All rights reserved.

C:\Windows\system32>cd c:\Office2019
c:\Office2019>setup.exe /configure configuration-Office2019Enterprise.xml
```


5. Seterusnya paparan berikut akan dipaparkan, biarkan seketika.




6. Proses pemasangan sedang berlaku.



- Setelah selesai proses pemasangan, paparan seperti di bawah akan dipaparkan.
Klik butang Close dan proses pemasangan selesai.



- Biarkan seketika dan boleh juga Restart PC/laptop.
Anda boleh membuat semakan Product Activated pada menu File - Account.



- Jika masih belum diaktifkan, proses seterusnya adalah dengan menggunakan command “slmgr /skms kms2022.usm.my” dan Enter.
Seterusnya taip command “slmgr /ato” dan Enter.
- Berikut adalah perisian-perisian yang terdapat di dalam Microsoft Office 2019:



- **Excel**
- **Outlook**
- **OneNote**
- **PowerPoint**
- **Publisher**
- **Word**
- **Skype**
- **Project**
- **Visio**
- **Access**



Siri perkongsian aplikasi sumber terbuka



Melukis Rajah Secara Percuma dan Mudah – draw.io Diagrams

Terdapat banyak aplikasi atas talian yang boleh digunakan bagi melukis carta alir, rajah, lukisan blok dan sebagainya. Antara nama-nama yang popular bagi tujuan tersebut adalah Microsoft Visio, EdrawMax, Creately, Canva dan SmartDraw. Sesetengahnya boleh digunakan secara percuma tetapi terhad dan sebahagian besar lagi memerlukan pengguna untuk membuat bayaran bagi penggunaan penuh.

Tahukah anda terdapat satu aplikasi yang menawarkan ciri-ciri yang setanding dengan aplikasi berbayar tersebut tetapi bersumber terbuka? Nama aplikasi tersebut adalah draw.io Diagrams.

Aplikasi ini boleh didapati secara percuma dan pengguna tidak perlu mendaftar bagi menggunakannya. Selain daripada itu, aplikasi ini boleh digunakan secara atas talian (online tool) atau boleh dipasang pada komputer dengan memuat turun aplikasi bagi platform Windows, Mac atau Linux.

Fail yang dihasilkan daripada aplikasi ini boleh disimpan dalam formatnya sendiri iaitu *.xml ataupun dalam format grafik yang biasa digunakan seperti *.png, *.jpg, *.svg dan juga format mudah alih *.pdf. Tambahan lagi, rajah yang dilukis dengan aplikasi ini amatlah mudah untuk disisipkan ke dalam perisian-perisian seperti Microsoft Office, Google Docs, dan WPS Office.



1.0 Penggunaan draw.io secara atas talian

Bagi melukis sesuatu rajah atau carta secara atas talian menggunakan aplikasi ini, pengguna perlu mengikuti langkah-langkah berikut:

1

Buka pautan

Pengguna perlu melawati laman web <https://app.diagrams.net/>

2


Pilih mod simpanan

Setelah itu, pengguna boleh membuat pilihan untuk menyimpan fail yang akan dicipta sama ada secara platform maya (cloud) atau pada perkakasan sendiri (device).

3

Paparan utama

Antara muka pertama yang akan dipaparkan adalah seperti Gambar rajah 1



4

Menambah / mengurangkan bentuk

Pengguna boleh melakukan pencarian, menambah atau mengurangkan bentuk (shapes) yang diingini dengan mengetik butang More Shapes pada bahagian bawah kiri antara muka tersebut. Terdapat banyak komponen yang boleh dipilih seperti Clipart, Software, Networking, Business, Electrical, Floorplans dan sebagainya.

5

Menetapkan format

Pengguna boleh menetapkan format untuk lukisan dengan mengubah tab untuk Diagram dan Style yang terdapat di sebelah kanan antara muka di Gambar rajah 1.

6

Menetapkan jenis sambungan

Bagi menetapkan jenis sambungan (connection) dan fungsi-fungsi lain, pengguna boleh mengetik pada menu atau ikon pintas (shortcut) di bahagian atas antara muka. Apabila kurSOR tetikus dilayangkan di atas ikon pintas, deskripsi ikon tersebut akan dipaparkan.

7

Melukis rajah

Seterusnya untuk melukis rajah, pengguna hanya perlu memilih dan mengetik bentuk (shapes) kesukaan dan ia akan ditempatkan secara automatik di ruang kerja. Pengguna juga mempunyai pilihan untuk melakukan pencarian bentuk dengan menggunakan Search Shapes yang terdapat di sebelah atas kiri antara muka.

8

Membuat sambungan

Bagi melakukan penyambungan (connection), pengguna hanya perlu menggerakkan kurSOR tetikus di atas bentuk pilihan dan titik sambungan tersembunyinya akan dipaparkan. Seterusnya pengguna hanya perlu mengetik pada titik sambungan tersebut untuk disambungkan kepada titik sambungan yang lain.

9


Menambah teks & imej

Fungsi-fungsi lain seperti menambah teks, menambah imej atau lukisan luar boleh didapati dengan mengakses fungsi Insert dalam menu Arrange di aplikasi tersebut.

10

Lukisan skematic

Gambar rajah 2 menunjukkan contoh lukisan skematic yang siap dilukis menggunakan aplikasi ini.



11

Format hasil kerja

Selepas selesai melukis, pengguna boleh menyimpan (save) hasil kerja tersebut pada perkakasan sendiri atau secara platform maya dalam bentuk format *.xml, *.png atau *.svg.

12

Tukar format lan

Selain daripada itu, pengguna juga boleh menukar kepada beberapa format asas lain seperti *.jpeg, *.pdf, *.html, dan *.WebP dengan mengetik tab menu File dan kemudian memilih fungsi Export as.

2.0 Penggunaan aplikasi draw.io secara tanpa talian (offline)

Aplikasi ini juga sangat versatil dan boleh digunakan secara tanpa talian. Pengguna hanya perlu memasang aplikasi pada komputer dan sedia digunakan pada bila-bila masa. Berikut adalah langkah-langkah yang perlu diikuti:

1 Buka pautan


Pengguna perlu melawati laman web <https://www.drawio.com> Seterusnya klik pada butang Download untuk ke laman web muat turun aplikasi. Terdapat pilihan untuk pengguna memuat turun installer bagi sistem Windows, Mac atau Linux.



2

Paparan setelah siap memasang perisian

Setelah selesai memasang perisian tersebut, antara muka awal yang akan dipaparkan adalah seperti Gambar rajah 3.



3

Nama Fail dan format

Pengguna boleh memasukkan nama fail dan format lukisan yang disukai.

4

Ulang langkah seperti penggunaan draw.io online

Setelah memilih nama fail, pengguna akan dibawa ke antara muka yang sama seperti draw.io secara atas talian. Pengguna boleh mengulangi langkah-langkah penggunaan draw.io yang telah diterangkan di atas.

3.0 Mengintegrasikan Add-in draw.io kepada Microsoft Office Word

Satu ciri menarik yang ada pada aplikasi ini adalah keupayaannya untuk diintegrasikan dengan perisian-perisian lain. Salah satu perisian yang kerap diintegrasikan dengan draw.io ialah Microsoft Office versi 2013 dan ke atas (Word, Excel, PowerPoint). Dengan menambah add-in pada pakej Microsoft Office ini, rajah yang dilukis menggunakan draw.io dapat dimasukkan secara terus menggunakan kesemua format draw.io tanpa perlu mengubahnya kepada format grafik biasa seperti *.bmp, *.jpg dan *.png.

Sebagai panduan, kita akan menggunakan Microsoft Word sebagai perisian yang akan disisipkan dengan rajah yang telah dilukis menggunakan aplikasi draw.io. Bagi mengintegrasikan draw.io ke dalam perisian Microsoft Word, langkah-langkah berikut perlu dilakukan:

1 Add-ins

Bagi pengguna yang menggunakan perisian Microsoft Word yang dilesenkan kepada USM, *add-in* bagi draw.io telah sedia dipasang seperti ditunjukkan pada Gambar rajah 4. Pengguna boleh memeriksa *add-ins* yang telah tersedia dengan mengetik butang *Home* di fungsi *Add-ins*.



2 Menambah Add-ins

Jika perisian tersebut tiada, pengguna boleh menambahnya sendiri dengan dengan mengetik butang More Add-ins, STORE, seterusnya melakukan pencarian draw.io dan menambah add-in tersebut ke dalam perisian Microsoft Word. Perlu diingatkan, untuk menambah add-in ini, pengguna perlu log masuk menggunakan akaun Microsoft serta memastikan Microsoft Office yang digunakan adalah versi 2013 ke atas dan tulen.

3 Ribbon draw.io

Jika pemasangan add-in berjaya, terdapat satu ribbon draw.io baharu yang diwujudkan seperti Gambarajah 5. Pengguna boleh mengetik butang Insert di menu draw.io untuk mengakses fungsi tersebut. Bagi pengguna yang telah tersedia draw.io, langkah yang sama juga boleh digunakan untuk menyemak lokasi ribbon add-in tersebut.



4

Menambah rajah dari draw.io


Bagi memasukkan rajah yang telah dilukis menggunakan draw.io (sama ada secara atas talian atau tanpa talian), pengguna hanya perlu mengetik ikon draw.io pada Gambarajah 5 bagi memilih lokasi rajah yang ingin ditempatkan ke dalam Microsoft Word. Gambarajah 6 menunjukkan tetingkap pop-up yang muncul apabila ikon draw.io diklik.



5

Memasukan rajah pilihan


Setelah lokasi rajah dipilih, pengguna perlu menekan butang Insert untuk memasukkan rajah pilihan. Gambar rajah 7 menunjukkan antara muka bagi memasukkan lukisan rajah ke dalam perisian Microsoft Word.



Masukan rajah guna insert picture

Walau bagaimanapun, sekiranya pengguna tidak ingin menggunakan ribbon draw.io ini, kaedah biasa bagi memasukkan gambar rajah boleh digunakan dengan mengetik menu pada Microsoft Word dengan memilih menu Insert, Pictures, This Device dengan syarat rajah yang telah dilukis menggunakan draw.io perlulah disimpan dalam format grafik seperti *.png atau *.jpeg.

Kesimpulannya, aplikasi draw.io ini sangat berguna bagi mempercepatkan proses melukis dan mereka bentuk rajah, carta alir, peta konsep dan sebagainya. Selain daripada itu, ia adalah percuma dan boleh digunakan tanpa perlu mendaftar. Kualiti hasilannya juga adalah setanding dengan aplikasi berbayar lain dan sangat mudah digunakan oleh semua tahap pengguna.



Perkongsian daripada:
 Mohd Nadzri Bin Mamat
 Pegawai Penyelidik
 PPK Elektrik Elektronik



! ATTENTION!!! **DON'T USE PIRATE SOFTWARE**

Article 4.3.15 of USM's Information Technology Policy: All software obtained must be legitimate or licensed and used according to the terms set by the supplier or manufacturer. The use of any software is the responsibility of the user.



Buying software at an unreasonable price from an online shopping is vulnerable to buying pirate software.

PPKT reserves the right to block internet access to computers detected using pirate software



Pirate software is software that has been copied and distributed without permission from the copyright owner. The use of pirate software can be prosecuted under the Copyright Act 1987. Students who use pirate software can be sued by the licensee. The University is not responsible for the suit.



KEDAI PPKT

THE SOLUTION
YOU NEED
WE CAN HELP YOU




Desktop Repair



Laptop Repair



Screen Replacement



Software Installation

Service Hours : 8.30am - 12.30pm | 2.30pm - 4.30pm



04 599 5318



ppktbiz.eng.usm.my

KEDAI PPKT Eng. Campus


ANTIVIRUS PROMOTION



**RM 28
ONLY**



**ESET ANTIVIRUS
LICENSE VALID THROUGHOUT
STUDY PERIOD IN USM**



**RM 19.90
ONLY**



**BITDEFENDER
TOTAL SECURITY (MULTI DEVICE)
1 DEVICE 1 YEAR**